

Ruj. Kami : LPIPM:SKLV/BPFK/01/1/3 Kit. 4 (67)
Tarikh : 27 Jun 2022**SEPERTI SENARAI EDARAN**

Tuan / Puan

PEMAKLUMAN TERKINI BERKENAAN SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN KONTRAKTOR :

- 1) PEMANSUHAN SYARAT PEMILIKAN EKUITI BAGI PEMEGANG SAHAM BAHARU DI DALAM PENDAFTARAN G1 SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (SPKK)**
- 2) HAD TEMPOH SAHLAKU PROJEK BAGI PERMOHONAN TAMBAH KOD PENGKHUSUSAN**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa terdapat beberapa syarat pendaftaran kontraktor telah ditambahbaik / dipinda selaras dengan keperluan semasa. Syarat-syarat pendaftaran tersebut adalah seperti berikut:

Syarat-syarat Pendaftaran Kontraktor	Sediada (Dimansuhkan berkuatkuasa 01 Julai 2022)	Terkini (Akan dilaksanakan berkuatkuasa 01 Julai 2022)
Pemilikan Ekuiti bagi pemegang saham baharu di dalam G1 SPKK	Pemegang saham baharu hanya boleh menjadi pemegang saham majoriti di dalam syarikat setelah berada bersama dengan pemegang saham sediaada sekurang-kurangnya 5 tahun. Sekiranya berlaku perubahan ekuiti dimana pemegang saham baharu memegang saham majoriti kurang dari 5 tahun ia akan menyebabkan SPKK syarikat terbatal.	Pemegang saham baharu boleh menjadi pemegang saham majoriti pada bila-bila masa.



Ruj. Kami : LIPM:SKLV/BPFK/01/1/3 Klt. 4 (67)
Tarikh : 27 Jun 2022

Syarat Pendaftaran	Sediada (Dimansuhkan berkuatkuasa 01 Julai 2022)	Terkini (Akan dilaksanakan berkuatkuasa 01 Julai 2022)
Had tempoh sahlaku projek untuk tujuan tambah pengkhususan	Tiada had tempoh sahlaku projek untuk permohonan tambah pengkhususan. Mana-mana projek yang telah di <i>award</i> kepada syarikat selepas syarikat berdaftar dengan CIDB boleh digunapakai sebagai bukti bagi permohonan tambah pengkhususan	<p>i. Hanya projek yang telah siap boleh digunakan untuk permohonan tambah pengkhususan.</p> <p>ii. Had tempoh sahlaku projek adalah 7 tahun dari tarikh siap projek. Sekiranya melebihi tempoh tersebut projek tidak boleh digunapakai untuk permohonan tambah pengkhususan.</p>

3. Sehubungan dengan itu berkuatkuasa pada **01 Julai 2022** syarat-syarat pendaftaran kontraktor seperti di atas adalah terpakai kepada setiap permohonan yang diterima pada tarikh tersebut dan seterusnya.

4. Kerjasama pihak tuan / puan adalah dipohon untuk membuat hebahan mengenai perkara ini kepada pihak kontraktor. Sebarang pertanyaan lanjut sila berhubung dengan Bahagian Pendaftaran Kontraktor, Sektor Kontraktor dan Levi menerusi emel upk@cidb.gov.my

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BINA SEMPURNA”



(**SUHAIMI MANSOR**)
Pengurus Besar Kanan
Sektor Kontraktor dan Levi
b.p. Ketua Eksekutif

s.k. - Timbalan Ketua Eksekutif 

Ruj. Kami : LPIPM:SKLV/BPFK/01/1/3 Klt. 4 (67)
Tarikh : 27 Jun 2022

SENARAI EDARAN :

1. PERSATUAN KONTRAKTOR MELAYU MALAYSIA (PKMM)

No. 26,
Jalan 3/3C Sri Utara Business Park
68100 Batu Caves,
Selangor
pkmm.hq@gmail.com

No. Faks : 03 – 6250 5066

2. PERSATUAN KONTRAKTOR BUMIPUTRA MALAYSIA (PKBM)

Ibu Pejabat, Suite 9-4, Aras 9,
Menara Matrade West Wing, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah,
50480 Kuala Lumpur 50480
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
pkbmpusat@gmail.com

No. Faks : 03-6203 6203

3. PERSATUAN KONTRAKTOR KELAS F (PERKOBF)

B1-2A-1, Dataran Niaga Sungai Besi
11/108C, off Lebuhraya Sungai Besi
57100 Kuala Lumpur
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
perkobfmalaysia@yahoo.com

No. Faks : 04 – 978 1244

4. MASTER BUILDER ASSOCIATION MALAYSIA (MBAM)

No2, Jalan 2/109E
Taman Desa Business Park
58100 Kuala Lumpur
Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur

No. Faks : 03 – 7982 6811